



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI

Kerajaan sedang meneruskan program untuk mentransformasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan supaya terus kukuh dan bersedia menghadapi fasa pemulihan pasca COVID-19 dalam norma baharu. Perubahan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, Pejabat Perdana Menteri ingin mengumumkan pelantikan Tan Sri Ahmad Nizam Salleh sebagai Penggerusi Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan tempat beliau sebagai Penggerusi Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) akan diambil alih oleh Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

Kedua-dua pelantikan ini berkuat kuasa pada 1 Ogos 2021.

YAB Perdana Menteri mengucapkan ribuan terima kasih atas kepimpinan dan sumbangaan Tan Sri Ahmad Nizam selama tiga tahun sebagai Penggerusi PETRONAS. Berdasarkan pengalaman beliau selama 37 tahun berkhidmat di PETRONAS dalam pelbagai jawatan, beliau telah berjaya mengemudi syarikat berkenaan mengharungi cabaran terbesar yang dihadapi negara dan dunia, termasuklah ketidaktentuan harga minyak dunia dan krisis pandemik COVID-19. PETRONAS masih kekal mempunyai penilaian kredit antarabangsa yang baik dan merupakan syarikat unggul negara yang tersenarai dalam Fortune Global 500.

Tan Sri Ahmad Nizam akan kekal sebagai Penggerusi kumpulan syarikat KLCC. Pengalaman beliau di PETRONAS dan dalam pengurusan hartanah utama di KLCC akan membawa nafas baharu kepada hala tuju dan pengurusan PHB dalam meningkatkan pemilikan Bumiputera terhadap hartanah komersial negara.

Tan Sri Mohd Bakke merupakan ahli korporat yang berpengalaman luas dan telah berkhidmat dalam pelbagai bidang ekonomi dan kewangan. Diharapkan kemahiran dan pengalaman yang dimiliki oleh beliau serta sokongan padu daripada Lembaga Pengarah dan pasukan pengurusan sedia ada, akan dapat membawa PETRONAS melalui tempoh mencabar sekarang ke tahap yang lebih cemerlang.

**PEJABAT PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
12 JULAI 2021**